

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

OKTOBER 2001

Oleh

AHMAD FAUZA BIN JIBIR WAHAB

Bertajuk

**KAJIAN TERMINAL 1 SEREMBAN SEBAGAI PUSAT TRANSIT
DI BANDAR SEREMBAN.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah.

Penyelia : En. Zakaria B. Ahmad
Koordinator : Prof. Madya Dr. Mizan B. Hitam
Ketua Program : Pn. Hazlina Bt. Hamdan

PENGHARGAAN.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini sepenuhnya seperti mana yang di syaratkan untuk layak memiliki Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah.

Pertama sekali, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya, En Zakaria Bin Ahmad yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang beliau curahkan tetap menjadi ingatan yang tidak akan luput selamanya. Tanpa beliau, kajian ini tidak dapat di sempurnakan dengan baik.

Ribuan terima kasih juga kepada pihak pengurusan Terminal 1 Seremban iaitu Panji Timor- Business Group, En.Shaharin Azhar selaku Pengarah yang memberi kerjasama dari segi memberi maklumat berkenaan dengan Terminal 1 Seremban.

Sekalung doa saya kirimkan kepada kedua ibu bapa saya serta ahli keluarga, semoga kehidupan mereka di dirahmati Allah S.W.T. Kehadiran mereka dalam kajian ini amat diperlukan, segala dorongan, doa dan nasihat yang diberikan menjadi semangat kepada saya supaya terus berjaya.

Terima kasih juga di ucapkan kepada Pihak Majlis Perbandaran Seremban, JPBD Persekutuan dan rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini

Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian penyelidikan yang di kemukakan ini bertajuk Kajian Terminal 1 Seremban Sebagai Pusat Transit Di Bandar Seremban. Kajian ini dibuat berdasarkan masalah-masalah yang berlaku di Terminal 1 Seremban dan bagi memperbaiki keadaan tersebut. Tujuan kajian ini di jalankan adalah untuk mengenalpasti keberkesanan fungsi Terminal 1 Seremban sebagai pusat transit. Skop kajian melibatkan pengguna, peniaga, pengusaha dan PBT.

Kajian ini juga sedikit sebanyak membantu mempertingkatkan lagi tahap kemudahan dan perkhidmatan ke arah yang lebih cekap dan sistematik selaras dengan pembangunan yang semakin pesat di kawasan kajian. Dalam menjalankan kajian ini beberapa kaedah telah digunakan iaitu soalselidik, temuramah dan juga pemerhatian ke atas kawasan kajian. Daripada maklumat soalselidik maka penemuan kawasan kajian akan di perolehi bagi mengetahui masalah yang wujud di kawasan kajian.

Dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa responden yang telah di soalselidik dan ditemuramah bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan Terminal 1 Seremban iaitu pengguna, peniaga, pihak pengurusan terminal dan PBT. Kesemua responden ini adalah penting bagi mengetahui masalah yang berlaku di kawasan kajian.

Oleh yang demikian, kajian akan mengenalpasti beberapa masalah yang wujud di terminal dan mengemukakan beberapa cadangan bagi mewujudkan terminal yang selesa, selamat dan terancang. Beberapa cadangan telah dikemukakan seperti menambah kemudahan, elemen lanskap dan sebagainya bagi meningkatkan imej Terminal 1 Seremban.

Penghargaan.	i
Abstraks.	ii
Isi Kandungan.	iii
Senarai Jadual.	vii
Senarai Rajah.	ix
Senarai Foto.	x
Senarai Lampiran.	xi
Senarai Singkat Kata.	xii

ISI KANDUNGAN.

BAB	1	PENDAHULUAN.	MUKA SURAT
	1.1	Pengenalan.	1
	1.2	Kenyataan Masalah.	2
	1.3	Tujuan Kajian.	4
	1.4	Objektif Kajian.	4
	1.5	Skop Kajian.	5
	1.6	Kawasan Kajian.	6
	1.7	Metodologi Kajian.	7
	1.8	Kepentingan Kajian.	8
	1.9	Carta Peringkat Kajian.	9
	1.10	Peringkat Kajian.	10
	1.11	Jadual Kerja.	11
	1.12	Rumusan.	12
BAB	2	KAJIAN TEORITIKAL DAN KAWASAN KAJIAN.	
	2.1	Pengenalan.	13
	2.2	Definisi Terminal.	14
	2.3	Konsep Terminal.	15
	2.4	Jenis- Jenis Terminal.	16

BAB 1

PENDAHULUAN.

1.1 Pengenalan.

Perkembangan sistem perhubungan di negara ini telah bermula semenjak zaman penjajah lagi. Pada ketika itu, penjajah telah menggunakan sistem perhubungan seperti keretapi untuk membawa hasil bumi. Dengan wujudnya perhubungan dapat mempengaruhi perkembangan sesebuah bandar dengan wujudnya pelbagai aktiviti ekonomi dan perdagangan.

Perkembangan dan kemajuan yang dicapai dalam bidang pengangkutan telah menyebabkan wujudnya terminal bas yang berfungsi sebagai penghubung orang ramai dari satu tempat ke tempat lain bagi menjalankan pelbagai aktiviti seperti ke tempat kerja, rekreasi dan sebagainya sama ada yang tinggal di kota atau desa.

Kawasan kajian ialah Terminal 1 Seremban. Ia terletak di bandar Seremban dan mengalami pelbagai masalah akibat daripada pertambahan penduduk menyebabkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan tidak mencukupi.

Oleh yang demikian, semua pihak seharusnya bersama-sama mengembleng tenaga dan usaha bagi memastikan segala kemudahan yang di sediakan adalah mencukupi dan selesa serta perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan.